



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***HUBUNGAN TINGKAH LAKU KEJURULATIHAN DENGAN MOTIVASI  
ATLET BOLA SEPAK DI SEKOLAH SUKAN MALAYSIA***

**NURHASNI BINTI MOHD NOOR**

**FPP 2014 30**



HUBUNGAN TINGKAH LAKU KEJURULATIHAN DENGAN MOTIVASI  
ATLET BOLA SEPAK DI SEKOLAH SUKAN MALAYSIA

Oleh

NURHASNI BINTI MOHD NOOR

Tesis dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk ijazah  
Master Sains

Februari2014

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

## HUBUNGAN TINGKAH LAKU KEJURULATIHAN DENGAN MOTIVASI ATLET BOLA SEPAK DI SEKOLAH SUKAN MALAYSIA

Oleh

NURHASNI BINTI MOHD NOOR

Februari 2014

**Pengerusi: Prof. Madya. Soh Kim Geok, PhD**

**Fakulti: Pengajian Pendidikan**

Kajian ini dijalankan untuk membandingkan tingkah laku kejurulatihan dalam kalangan jurulatih bola sepak dan mengenal pasti kesannya terhadap motivasi atlet bola sepak sekolah sukan di Malaysia. Seramai 123 orang atlet bola sepak (min umur = 15.30 tahun, SD = 1.61 tahun) dari tiga buah sekolah sukan telah dipilih dalam kajian ini dengan menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah. Kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik *Coaching Behavior Scale for Sport* (CBS-S, 1999) bagi mengukur tingkah laku kejurulatihan dan *Sport Motivation Scale* (SMS, 1995) bagi mengukur motivasi atlet. Dapatan kajian rintis menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi bagi CBS-S iaitu .96 dengan korelasi item,  $r = .82$  hingga  $.94$  manakala SMS menunjukkan kebolehpercayaan yang mencukupi iaitu .79 dengan korelasi item,  $r = .59$  hingga  $.88$ . Analisis deskriptif dan inferens, ujian statistik ANOVA satu hala serta analisis regresi digunakan untuk menganalisis data yang dikumpul. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan tingkah laku kejurulatihan yang signifikan antara jurulatih bola sepak dalam enam daripada tujuh dimensi tingkahlaku kejurulatihan. Terdapat juga perbezaan signifikan yang ditunjukkan dalam dua jenis motivasi daripada tujuh jenis motivasi. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara empat dimensi tingkah laku kejurulatihan dengan enam jenis motivasi atlet. Hanya dimensi hubungan peribadi negatif yang mempunyai hubungan signifikan dengan amotivasi. Analisis regresi juga menunjukkan dimensi latihan fizikal dan perancangan merupakan pengaruh dominan yang signifikan bagi tingkah laku kejurulatihan terhadap motivasi ekstrinsik dikenalpasti ( $\beta = .31, p < .05$ ) dan motivasi ekstrinsik peraturan luaran ( $\beta = .34, p < .01$ ). Manakala hubungan peribadi negatif ( $\beta = .42, p < .01$ ) merupakan pengaruh dominan terhadap amotivasi atlet. Kajian ini menyimpulkan bahawa penggunaan tingkah laku kejurulatihan yang sesuai semasa sesi latihan dan perancangan latihan dapat meningkatkan motivasi atlet serta pembinaan hubungan jurulatih-atlet yang baik boleh mengurangkan kesan amotivasi dalam kalangan atlet bola sepak muda.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia  
in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

RELATIONSHIP BETWEEN COACHING BEHAVIOUR AND THE  
MOTIVATION OF FOOTBALL ATHLETES IN MALAYSIA SPORTS SCHOOL

By

NURHASNI BINTI MOHD NOOR

February 2014

Chair: Assoc. Prof. Soh Kim Geok, PhD  
Faculty: Education Studies

This study was conducted to compare coaching behavior among football coaches and to determine its effects on motivation of football athletes from sports schools in Malaysia. A number of 123 football athletes (age mean = 15.30 years, SD = 1.61 years) from three sports schools were chosen in this study by using simple random sampling method. The survey used Coaching Behavior Scale for Sport (CBS-S, 1999) to measure coaching behavior and Sport Motivation Scale (SMS, 1995) to measure the athletes' motivation. The findings of the pilot study showed the high reliability of the CBS-S correlation of .96 with the item,  $r = .82$  to  $.94$ , while SMS showed an adequate reliability of .79 with item correlation,  $r = .59$  to  $.88$ . Descriptive and inference analysis, one way ANOVA and regression analysis were used to analyze the collected data. The results showed that there were significant differences in coaching behavior among the football coaches in six out of seven dimensions of coaching behavior. There were also significant differences showed in two out of the seven types of motivation. The results also showed that there were significant relationships between four coaching behavior dimensions with six types of motivation. Only negative personal rapport significantly associated to amotivation. Regression analysis results in physical training and planning was the significant dominant influence of coaching behavior on identified extrinsic motivation ( $f^2 = .31$ ,  $p < .05$ ) and external regulation extrinsic motivation ( $f^2 = .34$ ,  $p < .01$ ). While negative personal rapport ( $f^2 = .42$ ,  $p < .01$ ) was the dominant influence on athletes' amotivation. This study concluded that the use of suitable coaching behavior during training session and training planning could increase athlete's motivation as well as development of good coach-athlete relationship can reduce the impact of amotivation among young football athletes.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani. Syukur saya kehadiran Ilahi kerana akhinya berjaya menyiapkan sebuah tesis penyelidikan bagi melengkapkan keperluan pengajian Master Sains.

Disertasi ini ditujukan khas buat arwah bapa saya Mohd Noar bin Siroon dan ibu saya Puan Samsiyah binti Uda Talib yang sentiasa memberikan motivasi kepada saya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ini. Saya ingin berterima kasih kepada keluarga yang telah banyak membantu dari segi sokongan moral dan kewangan untuk saya menamatkan pengajian ini.

Dikesempatan ini, ingin saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Soh Kim Geok yang begitu komited dalam menyelia yang membimbing saya untuk menyiapkan tesis ini. Tanpa bantuan, perhatian dan nasihat yang diberikan, penyelidikan ini tidak mungkin dapat disiapkan dalam jangka masa yang ditetapkan.

Tidak dilupakan juga rakan-rakan yang mengambil berat dan sentiasa memberikan sokongan dan meluangkan masa untuk berbincang serta memberi pendapat. Selain itu, saya juga berterima kasih atas kerjasama yang diberikan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, atlet dan jurulatih bola sepak Sekolah Sukan Bukit Jalil, Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail dan Sekolah Sukan Malaysia Pahang serta pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menyiapkan penyelidikan ini. Semoga hasil dari penyelidikan ini akan dapat memberikan panduan serta dapat membantu dalam memperkembangkan penyelidikan sukan di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Saya mengesahkan bahawa satu lawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 7 Februari 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nurhasni binti Mohd Noor bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Hubungan Tingkah Laku Kejurulatihan dengan Motivasi Atlet Bola Sepak di Sekolah Sukan Malaysia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. lawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli lawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Aminuddin bin Hassan, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Hj. Jamaludin bin Ahmad, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Tengku Fadilah binti Tengku Kamalden, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Nelfianty binti Mohd Rasyid, PhD**

Pensyarah Kanan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



**NORITAH OMAR, PhD**

Profesor Madya dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 21 April 2014

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Soh Kim Geok, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(pengerusi)

**Chee Chen Soon, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)



**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan:

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Nurhasni binti Mohd Nom GS22975



**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: \_\_\_\_\_



## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>ABSTRAK</b>	II
<b>ABSTRACT</b>	III
<b>PENGHARGAAN</b>	IV
<b>PENGESAHAN</b>	V
<b>PERAKUAN</b>	VII
<b>SENARAI JADUAL</b>	XI
<b>SENARAI RAJAH</b>	XII
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	XIII

### BAB

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pemyataan Masalah	4
	1.3 Kepentingan Kajian	6
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Delimitasi Kajian	9
	1.7 Limitasi Kajian	9
	1.8 Definisi Konsep dan Operasional	9
	1.9 Kesimpulan	11
<b>2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>12</b>
	2.1 Pengenalan	12
	2.2 <i>Selfdetermination Teory</i> (SDT)	12
	2.3 Pengukuran Tingkah Laku Kejurulatihan dan Motivasi Atlet	15
	2.4 Kajian Literatur Tingkah Laku Kejurulatihan	18
	2.5 Kajian Literatur Motivasi Atlet	26
	2.6 Kerangka Teoritikal	31
	2.7 Kesimpulan	33
<b>3</b>	<b>METODOLOGIKAJIAN</b>	<b>34</b>
	3.1 Pengenalan	34
	3.2 Reka Bentuk Kajian	34
	3.3 Kerangka Konseptual Kajian	35
	3.4 Populasi Kajian dan Kaedah Pensempelan	37

3.5	Kajian Rintis	40
3.6	Instrumen Kajian	41
3.7	Tatacara Pengumpulan Data	48
3.8	Analisis Data	48
3.9	Kesimpulan	51
4	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	52
4.1	Pengenalan	52
4.2	Kebolehpercayaan <i>Coaching Behavior Scale For Sport</i> Versi Bahasa Melayu	52
4.3	Kebolehpercayaan <i>Sport Motivation Scale</i> Versi Bahasa Melayu	53
4.4	Perbandingan Deskriptif Corak Tingkah Laku Kejurulatihan Jurulatih Bola Sepak di Sekolah Sukan Malaysia	54
4.5	Perbandingan Deskriptif Corak Motivasi Atlet Bola Sepak di Sekolah Sukan Malaysia	60
4.6	Hubungan Tingkah Laku Kejurulatihan dengan Motivasi Atlet	66
4.7	Analisis Regresi Tingkah Laku Kejurulatihan, Pemboleh Ubah Peramal Dan Jenis Motivasi Atlet	68
4.8	Kesimpulan	69
5	<b>PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	71
5.1	Pengenalan	71
5.2	Kesimpulan Tingkah Laku Kejurulatihan Terhadap Motivasi Atlet	71
5.3	Implikasi terhadap Jurulatih dan Atlet	73
5.4	Cadangan Kajian Masa Hadapan	76
5.5	Kesimpulan	76
	<b>RUJUKAN</b>	78
	<b>LAMPIRAN</b>	
Lampiran A	Soal Selidik <i>Coaching Behavior Scale for Sport</i> Versi Bahasa Melayu	89
Lampiran B	Soal Selidik <i>Sport Motivation Scale</i> Versi Bahasa Melayu	93
Lampiran C	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Kementerian Pelajaran Malaysia	97
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>102</b>

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
3.6.1	Dimensi Kejurulatihan dan Item Soalan CBS-S	43
3.6.2	Dimensi Kejurulatihan dan Skop Penilaian CBS-S	44
3.6.3	Jenis Motivasi dan Item Soalan SMS	46
3.6.4	Jadual Subskala Jenis Motivasi dalam soal selidik SMS	47
3.8.1	Persoalan kajian dan kaedah analisis yang digunakan	50
4.4.1	Jadual Deskriptif (Min Dan Sisihan Piawai) Skor Tingkah Laku Kejurulatihan	54
4.4.2	Perbezaan Corak Tingkah Laku Kejurulatihan	57
4.4.3	Analisis Pos Hoc Corak Tingkah Laku Kejurulatihan	58
4.5.1	Perbandingan Deskriptif (Min Dan Sisihan Piawai) Skor Motivasi Atlet	60
4.5.2	Perbezaan Corak Motivasi Atlet Bola Sepak Sekolah Sukan Malaysia	63
4.5.3	Analisis Pos Hoc Corak Motivasi Atlet Bola Sepak Sekolah Sukan Malaysia	64
4.6.1	Korelasi di Antara Tingkah Laku Kejurulatihan Dengan Motivasi Atlet	66
4.7.1	Analisis Regrasi Dimensi Tingkah Laku Kejurulatihan Terhadap Jenis Motivasi Atlet	68

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
1	Kerangka Teoritikal	32
2	Kerangka Konseptual Kajian	36
3	Kerangka Kaedah Pensempelan	39



## SENARAI SINGKATAN

<b>Singkatan</b>	<b>Penerangan Singkatan</b>
ANOVA	Analysis of Variance
ASTQS	Automatic Self-Talk Questionnaire for Sports
ASUOI	Arizona State University Observation Instrument
CART-Q	Coach-Athlete Relationship Questionnaire
CBAS	Coaching Behavior Assessment System
CBS-S	Coaching Behavior Scale for Sport
CBQ	Coaching Behavior Questionnaire
CTEOSQ	Task and Ego Goal Orientation in Sport Questionnaire Versi Croatia
HCCQ	Health-Care Climate Questionnaire
NCAA	National Collegiate Athletic Association
LSS	Leadership Scale for Sport
PMCSQ-2	Motivational Climate in Sport Questionnaire 2
PNAS	Positive and Negative Affect Schedule
RPM	Kadar Per Minit
SDT	Self-Determination Theory
SMS	Sport Motivation Scale
SPSS	Statistical Package for Social Science
SSBJ	Sekolah Sukan Bukit Jalil
SSMP	Sekolah Sukan Malaysia Pahang
SSTMI	Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail
SWLS	Satisfaction With Life Scale
YES-2	Youth Experiences Scale-2

# BABI

## PENDAHULUAN

Melalui bab ini, pengkaji akan memberikan sedikit mukadimah didahului dengan pengenalan berkaitan motivasi dan senario bola sepak profesional di Malaysia. Selain itu, bab ini akan menjelaskan pernyataan masalah, kepentingan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian, limitasi kajian, definisi konsep dan definisi operasional.

### 1.1 Pengenalan

Sukan merupakan aktiviti yang berkesan dan mempunyai potensi membantu individu memperoleh keseronokan, kepuasan dan nilai terpuji dalam kehidupan. Sukan juga mampu memenuhi keperluan asas manusia yang merangkumi keperluan fisiologi dan kepuasan sendiri di samping mengamalkan gaya hidup sihat dan meningkatkan kualiti hidup seseorang individu (Corbin & Lindsey, 1994). Ini bermaksud dalam masa yang sarna keperluan fisiologi ini dilihat sebagai satu usaha untuk memenuhi kepuasan diri. Selain daripada itu, jurulatih dilihat salah satu faktor dalam agen sosialisasi yang diperlukan dalam sukan. Contohnya dalam konteks budaya, sukan dianggap sebagai agen sosialisasi di mana anggota masyarakat saling berkomunikasi dan berinteraksi untuk menentukan peranan masing-masing sebagai ahli masyarakat (Shaharudin, 2001). Selain itu Keegan, Harwood, Spray & Lavallee (2014) menyatakan interaksi kompleks dalam ejen sosial akan memudahkan pemahaman dan memberi impak terhadap motivasi dalam kalangan atlet sukan elit. Keadaan ini menunjukkan jurulatih merupakan ejen sosial yang berperanan sebagai faktor utama yang diperlukan dalam sosialisasi sukan. Identiti sosial juga boleh memainkan peranan penting dalam mengawal tingkah laku terhadap atlet muda. Perubahan dalam identiti sosial juga boleh menjejaskan tingkah laku atlet muda (Bruner, Boardley & Cote, 2014)

Kesungguhan individu untuk menunjukkan tingkah laku tertentu bagi mendapatkan hasil tingkah laku juga dikenali sebagai motivasi. Motivasi dapat ditakrifkan sebagai satu daya yang membantu peningkatan serta pengekalan perlakuan seseorang individu (Shaharudin, 2001). Motivasi menekankan pada tingkat usaha yang dikeluarkan seseorang bagi mencapai sesuatu tujuan. Secara amnya, motivasi terbahagi kepada motivasi intrinsik (dalaman) dan ekstrinsik (luaran). Motivasi intrinsik merujuk kepada penglibatan adalah untuk diri sendiri, keseronokan dan kepuasan daripada aktiviti yang disertai manakala motivasi ekstrinsik merujuk kepada penglibatan bagi mendapatkan ganjaran seperti pujian, insentif dan nama (Vallerand & Perreault, 1999).

Salah satu teori motivasi yang sering dikaitkan dalam konteks sukan adalah Teori *Self-determination* atau SDT (Deci & Ryan, 1985a, 2000), kerana ia mewakili faktor-faktor sosial dan kognitif selain daripada beberapa jenis motivasi lain serta akibat yang terhasil dari tingkah laku yang ditunjukkan. Anggapan asas SDT adalah, manusia dimotivasikan secara semula jadi dan proaktif untuk menguasai persekitaran sosial mereka (Mallett, Kawabata, Newcombe, Otero-Forero & Jackson, 2007). Bagi menguasai persekitaran sosial tersebut, tiga keperluan asas yang berfungsi sebagai elemen penting untuk pertumbuhan, integriti, dan kesejahteraan perlulah dipenuhi (Deci & Ryan, 2000, 2007; Ryan, 1995). Ia merangkumi keperluan bagi kecekapan, autonomi, dan keberhubungan. Keperluan untuk kecekapan boleh difahami sebagai keinginan manusia untuk berasa bertanggungjawab dan cekap dalam penghasilan hasil yang dikehendaki dan mengelakkan daripada yang tidak dikehendaki (Deci, 1975; Deci & Ryan, 1985b; Vallerand, 2007). Keperluan autonomi digambarkan sebagai keinginan untuk menjadi punca kepada tindakan seseorang manakala keperluan untuk saling berhubungan merupakan keinginan untuk menjadi sebahagian daripada kumpulan sosial apabila menyertai sesuatu aktiviti (Deci & Ryan, 2000; Richer & Vallerand, 1998; Vallerand, 2007).

Mengambil senario sukan bola sepak Malaysia misalnya, motivasi pemain bola sepak meningkat dengan pemberian insentif dan juga kejayaan dalam perlawanan seperti yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar tempatan. Memetik kenyataan bekas penyerang kebangsaan, Hairuddin Omar dalam petikan akhbar bertarikh 30 Oktober 2012, disenaraikan sebagai antara calon untuk Anugerah Bola Sepak Kebangsaan 100PLUS-Astro Arena-FAM 2012 merupakan satu penghormatan buatnya dan menjadi motivasi yang mendorong beliau untuk lebih bekerja keras meningkatkan kemahiran. Bagi anugerah ini, semua ketua jurulatih pasukan Liga Super dan Liga Perdana telah mengundi untuk anugerah dalam kalangan pemain yang dirasakan calon paling layak dalam beberapa kategori. Secara tidak langsung, jurulatih dilihat sebagai faktor penentu kepada pengiktirafan tahap prestasi seseorang pemain bola sepak.

Dalam konteks sukan, jurulatih telah dikenal pasti sebagai satu faktor sosial yang mempengaruhi kejayaan atlet pada semua tahap kompetitif (Hom, 2002; Smoll, & Smith, 2002). Cara seorang jurulatih menstrukturkan latihan dan situasi pertandingan, caranya membuat keputusan, kualiti dan kuantiti maklum balas yang diberikan berdasarkan kepada prestasi atlet, hubungan yang diwujudkan dengan atlet dan juga gaya kepimpinan jurulatih boleh memberikan impak terhadap tingkah laku, kognisi dan tindak balas afektif atlet (Amorose, 2007). Kesemua tingkah laku kejurulatihan tersebut boleh mempengaruhi penglibatan atlet dalam sukan serta kejayaan atlet dalam sukan yang diceburi. Kenyataan ini disokong melalui beberapa model kejurulatihan yang dikemukakan oleh Chelladurai (1993), Hom (2002), Mageau & Vallerand, (2003), serta Small & Smith (2002) yang menyatakan bahawa jurulatih boleh



mempengaruhi proses pembelajaran atlet mereka, keseronokan ketika melakukan aktiviti, kecekapan serta pembinaan motivasi pencapaian atlet.

Namun demikian, tingkah laku kejurulatihan juga boleh membawa kepada akibat psikologi dan pencapaian negatif seperti prestasi lemah, tahap kebimbangan yang tinggi, keyakinan diri yang rendah serta kelesuan (Amorose, 2007). Impak daripada tingkah laku kejurulatihan terhadap motivasi atlet dapat dikaitkan dengan senario bola sepak nasional di mana tindakan ketua jurulatih bola sepak, K. Rajagobal yang enggan menyenaraikan pemain utama kebangsaan dalam skuad kesebelasan negara menimbulkan ketidakpuasan hati dan tanda tanya kepada pemain yang terlibat iaitu Mohd Badhri Radzi. Kapten Kelantan yang juga merupakan pemain tengah yang dianggap antara terbaik di Liga Malaysia (Liga-M), adakah corak permainannya tidak menepati cita rasa pengendali skuad kebangsaan itu menyebabkan dia tidak mendapat tempat dalam skuad Harimau Malaya. Berdasarkan perbincangan ini, jelas menunjukkan tingkah laku kejurulatihan negatif boleh mendatangkan reaksi negatif daripada pemain dan membawa kepada hubungan peribadi negatif atlet dan jurulatih. Apabila tercetusnya hubungan tidak baik di antara jurulatih dan atlet seperti ini, prestasi atlet akan merosot serta kemungkinan menjejaskan prestasi rakan sepasukan yang memerlukan penyesuaian dengan pemain yang baru. Hal ini telah dinyatakan oleh Baker, Yardley dan Côté (2003) bahawa jurulatih boleh memberi kesan mendalam kepada kehidupan atlet. Manakala Cakioglu (2003) mendapati faktor yang boleh menyebabkan atlet tidak berpuas hati ialah peranan jurulatih semasa mengendalikan sesuatu program latihan.

Oleh itu, timbul persoalan mengenai apakah jenis tingkah laku kejurulatihan yang boleh meningkatkan atau / dan menurunkan motivasi atlet. Seseorang jurulatih sukan sarna ada sukan berpasukan mahupun sukan individu mempunyai kedudukan atau kuasa yang memberikan mereka hak untuk membuat keputusan yang boleh mempengaruhi keseluruhan keadaan motivasi atlet (Ames, 1992). Maka jurulatih bertanggungjawab dalam setiap matlamat berlainan yang ingin dicapai dan perlu memastikan perkembangan pelbagai aspek mengikut garis panduan yang disediakan oleh Martens (2004). Terdapat juga kajian mengatakan bahawa motivasi dikenalpasti sebagai sumbangan penting bagi kejayaan pasukan (Ntoumanis & Standage, 2009).

Berdasarkan kepada perkaitan tingkah laku kejurulatihan dan motivasi atlet seperti yang dinyatakan, maka kajian untuk melihat perkara yang sarna iaitu corak tingkah laku kejurulatihan yang digunakan dan bagaimana ia mempengaruhi tahap motivasi atlet serta menjawab persoalan mengenai jenis tingkah laku yang boleh meningkatkan atau menurunkan motivasi atlet perlu dijalankan agar masalah dalam kejurulatihan seperti ini dapat dikenal pasti lebih

awal dan membolehkan jurulatih memperbaiki kelemahan dalam sesi kejurulatihan seterusnya dapat membantu meningkatkan motivasi atlet.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Bola sepak merupakan sukan berpasukan yang paling banyak dimainkan dan diminati di dunia. Sebelum abad ke-21, sukan ini telah dimainkan oleh lebih daripada 250 juta orang di 200 negara, yang menjadikannya sebagai sukan paling popular di dunia (Dunning & Eric 1999).

Malaysia juga tidak ketinggalan dalam usaha melahirkan bakat baharu dalam dunia bola sepak. Walau bagaimanapun, diakhir-akhir ini pasukan bola sepak kebangsaan mengalami kemerosotan dalam pencapaiannya. Kekalahan demi kekalahan yang dihasilkan daripada skuad bola sepak kebangsaan sedikit sebanyak akan menjejaskan moral dan keyakinan atlet. Pada perlawanan Piala AFF Suzuki misalnya, skuad kebangsaan gagal mempertahankan kejuaraan yang diperoleh pada tahun 2010 menewaskan pasukan Indonesia setelah tumbang kepada pasukan Thailand pada peringkat separuh akhir (AFF Suzuki 2010, 2012). Kekalahan berterusan dihadapi oleh pasukan Malaysia apabila gagal mempertahankan pingat emas Sukan SEA yang dimenangi pada tahun 2009. Menutup tirai pada tahun 2013, Malaysia naik empat anak tangga dan berada pada ranking ke-154 dunia namun di peringkat Asia Tenggara, Malaysia turun dua anak tangga ke tempat ketujuh dan berada pada kedudukan ke-30 daripada 46 negara Asia (FIFA, 2013) namun ia masih boleh dianggap tangga tercorot.

Kegagalan skuad kebangsaan menyinar berkemungkinan disebabkan oleh tingkah laku kejurulatihan atau/ dan motivasi atlet. Kegagalan jurulatih membawa pasukan ke arah kejayaan merupakan bukti yang boleh diambil kira dengan perkaitan kekalahan, motivasi dan kejurulatihan. Kepimpinan jurulatih dapat mempengaruhi pencapaian atlet dan sesebuah pasukan yang dibentuk (Patterson, Carron, & Loughhead, 2005). Kekalahan yang dikaitkan dengan jurulatih dapat kita lihat dengan lebih jelas apabila pertukaran jurulatih Manchester United. Pertukaran jurulatih David Moyes yang menggantikan Alex Ferguson merupakan contoh yang paling jelas dalam isu yang dibincangkan. Berdasarkan pembacaan dan penilaian pengkaji, jurulatih baharu tersebut mungkin tidak menggunakan pendekatan yang bersesuaian yang mampu meningkatkan motivasi atlet sebagai satu alat pemangkin kejayaan sesebuah pasukan. Kajian yang dijalankan Ntoumanis & Standage (2009) menyatakan bahawa motivasi dikenalpasti sebagai sumbangan penting bagi kejayaan pasukan. Kenyataan ini berkait rapat dengan kajian Gearity & Murray (2011), mereka menyatakan jurulatih yang tidak berkualiti akan menghalang kemahiran mental atlet psikologi atlet seperti motivasi, fokus, penumpuan, kesepaduan pasukan. Hal ini adalah berkaitan kerana seorang jurulatih yang benar-benar

berkaliber mempunyai daya kepimpinan dan tingkah laku kejurulatihan yang baik amat diperlukan bagi membantu dalam prestasi pasukan khususnya dari segi penilaian dan maklum balas jurulatih akibat kekalahan atau kegagalan. Kenyataan ini disokong oleh H0igaard, Jones dan Peters (2008) yang mendapati bahawa tingkah laku kejurulatihan yang digemari oleh atlet adalah maklum balas positif, tingkah laku latihan dan arahan, tingkah laku demokratik dan juga sokongan sosial terutamanya dalam situasi di mana atlet menghadapi tempoh kegagalan.

Selain dari pada itu, keserasian dengan jurulatih dan cara jurulatih mengendalikan pasukan perlu lebih bermotivasi terutamanya atlet muda kerana Ntoumanis & Standage, (2009) telah mengenalpasti bahawa motivasi sebagai sumbangan penting bagi kejayaan pasukan. Kenyataan ini telah dikukuhkan lagi dengan pemyataan Zourbanos, Hatzigeorgiadis, Tsiakaras, Chroni & Theodorakis (2010), dimana mereka menyatakan bahawa tingkah laku kejurulatihan yang berkesan dapat melahirkan pemain yang bermotivasi.

Tingkah laku kejurulatihan telah dikaji untuk pelbagai sebab, salah satunya adalah untuk melihat corak tingkah laku yang ditunjukkan oleh jurulatih dan kesannya terhadap motivasi atlet. Kajian lepas menunjukkan bahawa tingkah laku kejurulatihan berdasarkan penilaian atlet boleh mempengaruhi motivasi atlet (Ommundsen & Bar-Eli, 1999; Amorose & Hom, 2000; Amorose & Weiss, 1998; Black & Weiss, 1992). Alina & Liliana (2010) pula menyatakan faktor motivasi intrinsik sangat penting di landasan utama dalam hierarki dimana ia merupakan faktor motivasi untuk kejayaan pasukan.

Kajian adalah terhad berkaitan dua perkara utama ini iaitu kombinasi motivasi dan tingkah laku jurulatih. Kebanyakan kajian jenis kajian perbandingan sukan individu dan berpasukan serta perbandingan antara atlet lelaki dan wanita (Zeng, Leung, Bian & Liu, 2010; Lacy dan Goldston, 1990; Millard, 1996; Sherman, Fuller & Speed, 2000) Kajian-kajian lepas kebanyakannya hanya berfokuskan kepada membandingkan tingkah laku kejurulatihan antara sukan individu dan sukan berpasukan (Zeng, et.a!. 2010) atau penilaian tingkah laku kejurulatihan antara atlet lelaki dan wanita (Lacy dan Goldston, 1990; Millard, 1996; Sherman, et.a!. 2000). Kebanyakan kajian luar negara tersebut adalah jenis kajian perbandingan sukan individu dan berpasukan serta perbandingan antara atlet lelaki dan wanita.

Pada pengetahuan pengkaji, terdapat kajian yang terhad dijalankan yang mengaitkan tingkah laku kejurulatihan dengan motivasi atlet bagi sukan berpasukan termasuk atlet di Sekolah Sukan Malaysia yang mengkhususkan kepada bola sepak. Kajian yang dijalankan oleh Gould, Flett & Lauer (2012)

juga menyatkan bahawa tindakan kejurulatihan dan persekitaran merupakan pengaruh penting kepada pembangunan peribadi dan sosial atlet muda. Oleh itu, kajian yang memberi penekanan kepada tingkah laku jurulatih bagi sukan berpasukan sahaja iaitu bola sepak dan mengenal pasti hubungannya terhadap motivasi atlet amat diperlukan memandangkan kurangnya kajian dalam negara yang memfokuskan kepada elemen tersebut. Kombinasi elemen ini sangat penting kerana kajian lepas menunjukkan tingkah laku kejurulatihan boleh mempengaruhi motivasi atlet (Nunomura, Okade & Carrara, 2012; Goose & Winter, 2012). Selain itu, faktor-faktor yang terlibat dalam menentukan kejayaan dalam sukan adalah seperti motivasi, stres, kekurangan latihan serta strategi permainan (Arslan, Tekin & Ustun, 2009). Pearlman (2009) juga menyatakan bahawa kejayaan mempunyai perkaitan dengan motivasi. Selain itu, kajian daripada Sandor, Johanna, Zsuzsanna & Beata (2011) didapati motivasi adalah lebih penting dalam kalangan pasukan berjaya dan pasukan tidak berjaya.

Kajian-kajian yang disenaraikan di atas kebanyakannya melibatkan atlet yang telah mencapai taraf elit dan profesional. Pada ketika penulisan ilmiah ini dilakukan, pengkaji mendapati masih kurang kajian dalam negara yang menghubungkan tingkah laku kejurulatihan terhadap motivasi atlet muda yang melibatkan atlet bola sepak khususnya yang dijalankan ke atas atlet di Sekolah Sukan Malaysia. Kajian untuk atlet di Sekolah Sukan Malaysia penting kerana mereka adalah pelapis kepada skuad kebangsaan. Kebanyakan atlet bola di Malaysia adalah didik di peringkat awal di sekolah sukan tersebut. Intervensi awal akan menyumbang kepada prestasi untuk jangka masa panjang dan secara tidak langsung juga ia dapat menggambarkan situasi sebenar dalam sesebuah pasukan.

### **1.3 Kepentingan Kajian**

Motivasi adalah penting dalam menentukan kejayaan sesebuah pasukan (Pearlman, 2009). Motivasi berkait rapat dengan keinginan untuk mencapai kecemerlangan dalam setiap usaha yang dilakukan (Ntoumanis & Standage, 2009). Selain itu, kajian Alejo, & Eduardo (2011) telah memperlihatkan terdapatnya perhubungan di antara pemain bola sepak dan prestasi. Melalui kenyataan yang dibuat oleh pengkaji tersebut didapati bahawa kekalahan juga berkait rapat dengan motivasi. Disamping itu, Pearlman (2009) juga menyatakan bahawa kejayaan mempunyai perkaitan dengan motivasi. Kajian yang dijalankan oleh Matei, & Abrudan (2011), juga mengesahkan terdapatnya hubungan diantara motivasi intrinsi dan motivasi ekstrinsik dan prestasi. Selain itu, kajian daripada Sandor, Johanna, Zsuzsanna & Beata (2011) didapati motivasi adalah lebih penting dalam kalangan pasukan berjaya dan pasukan tidak berjaya. Kenyataan - kenyataan ini mengukuhkan bahawa terdapat hubungan diantara motivasi, jurulatih dan kejayaan atlet. Selain itu, faktor-faktor yang terlibat adalah seperti motivasi, stres, kekurangan latihan serta strategi

permainan seperti yang dinyatakan oleh Arslan, Tekin & Ustun, (2009) merupakan elemen terpenting di dalam elemen motivasi dan tingkah laku kejurulatihan yang dikaji. Kajian yang dijalankan oleh Juan, David, Jose, & Eduardo (2010) menunjukkan bahawa terdapatnya perkaitan antara jurulatih dengan peningkatan kebolehan dalam kalangan murid untuk meningkatkan motivasi intrinsik dan prestasi.

Dalam masa yang sarna, didapati bahawa seseorang jurulatih sukan sarna ada sukan berpasukan mahupun sukan individu mempunyai kedudukan atau kuasa yang memberikan mereka hak untuk membuat keputusan yang boleh mempengaruhi keseluruhan keadaan motivasi atlet (Ames, 1992). Dengan mengetahui corak tingkah laku kejurulatihan yang digunakan, jurulatih boleh mendapatkan hasil yang dikehendaki di samping dapat menentukan apakah tingkah laku yang boleh mempengaruhi prestasi atlet.

Selain itu masalah dalam tingkah laku kejurulatihan yang diaplikasikan dalam sesi latihan dapat dikenal pasti awal dan ia membolehkan jurulatih memperbaiki kelemahan sedia ada kerana menurut Zourbanos, et. al. (2010), tingkah laku kejurulatihan yang berkesan dapat melahirkan pemain yang bermotivasi. Melalui pengesanan awal tersebut, langkah susulan seperti tingkah laku yang lebih berkesan dapat dibuat dan aplikasi tersebut akan meningkatkan prestasi atlet dan membantu dalam penyediaan atlet pelapis kebangsaan yang bermotivasi tinggi.

Oleh itu, kajian ini diharapkan agar dapat memberikan maklumat baru untuk jurulatih dalam meningkatkan motivasi atlet serta bertindak sebagai satu panduan untuk meningkatkan bukan sahaja perkembangan atlet tetapi juga tahap keberkesanan jurulatih dalam melatih atlet. Kajian ini dapat membantu jurulatih memperbaiki kelemahan dalam tingkah laku, pendekatan strategi latihan dan sesi kejurulatihan. Jurulatih sendiri boleh membuat penambahbaikan lebih awal sebelum atlet menunjukkan rasa bosan dan tidak bermotivasi dalam latihan dan pertandingan. Justeru, dengan mengetahui kesan tingkah laku kejurulatihan terhadap motivasi atlet, jurulatih juga dapat mengatur strategi semasa program latihan atau pertandingan agar dapat memaksimumkan penglibatan dan tahap prestasi atlet.

Pernyataan Zourbanos, et. al. (2010), tingkah laku kejurulatihan yang berkesan dapat melahirkan pemain yang bermotivasi, dan motivasi adalah penting dalam menentukan kejayaan sesebuah pasukan serta kejayaan mempunyai perkaitan dengan motivasi, (Pearlman, 2009) dapat mengukuhkan lagi kepentingan kajian ini. Dengan adanya kajian seperti ini juga dapat membantu dalam memberi pelbagai sumbangan ilmu termasuklah. Ia dapat membantu organisasi atau

pasukan untuk memilih jurulatih yang baik dan mampu memotivasikan atlet dan berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Berikut merupakan tujuan kajian ini dijalankan untuk:

- 1.4.1 Mengenal pasti tingkah laku kejurulatihan dalam kalangan jurulatih bola sepak di Sekolah Sukan Malaysia;
- 1.4.2 Membandingkan tingkah laku kejurulatihan dalam kalangan jurulatih bola sepak di Sekolah Sukan Malaysia;
- 1.4.3 Mengenal pasti corak motivasi dalam kalangan atlet bola sepak di Sekolah Sukan Malaysia;
- 1.4.4 Membandingkan corak motivasi dalam kalangan atlet bola sepak di Sekolah Sukan Malaysia;
- 1.4.5 Menganalisis hubungan tingkah laku kejurulatihan terhadap motivasi atlet bola sepak Sekolah Sukan Malaysia;
- 1.4.6 Menganalisis faktor utama dalam hubungan dimensi tingkah laku kejurulatihan yang mempengaruhi corak motivasi atlet bola sepak di Sekolah Sukan Malaysia.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan tujuan di atas, kajian ini dijalankan untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan berikut:

